

CICAK, SESUMPAH DAN MÈNGKARUNG

SAMA TETAPI TIDAK SERUPA

Malaysia ialah satu daripada negara yang dikuniakan dengan kepelbagaian biologi yang tinggi, tidak kira dari segi bilangannya mahupun keunikan diversiti flora dan fauna. Setakat kini, berdasarkan kajian saintis tempatan dan antarabangsa mendapati bahawa 244 spesies amfibia dan 496 spesies reptilia direkodkan di Malaysia.

Gabungan dua kumpulan spesies ini dinamakan sebagai herpetofauna. Herpetologi ialah bidang sains yang mengkaji biologi spesies amfibia dan reptilia. Reptilia merupakan kumpulan haiwan yang bertulang belakang yang dibahagikan kepada empat order pengelasan. Spesies reptilia ini boleh ditemukan di kawasan hutan paya bakau, hutan gunung, pusat bandar, hingga beratus-ratus meter di dalam laut. Namun begitu, reptilia ini tidak dapat ditemukan di kutub bumi.

Tidak seperti spesies mamalia dan burung, reptilia merupakan haiwan yang berdarah sejuk. Spesies reptilia ini tidak dapat mengawal suhu badannya seperti manusia atau spesies mamalia yang



Spesies cicak (*Cnemaspis peninsularis*).

lain dan hanya bergantung pada suhu sekitaran. Spesies reptilia mudah dikenal pasti dengan berpandukan beberapa ciri fizikal yang unik. Antaranya termasuklah, mempunyai kulit bersisik kering; bernafas melalui peparu; pembiakan secara luaran (oviparus); serta mempunyai empat kaki, manakala ada sesetengah spesies tidak mempunyai kaki dan tidak melalui

peringkat larva, seperti amfibia atau spesies katak.

Antara contoh spesies reptilia yang biasa ditemukan oleh orang ramai termasuklah ular, penyu, buaya, cicak, sesumpah dan mengkarung. Berdasarkan pemerhatian, masih banyak orang yang keliru tentang perbezaan spesies reptilia ini, terutamanya antara

cicak, sesumpah dan mengkarung. Ketiga-tiga spesies ini mungkin mempunyai rupa dan bentuk yang hampir serupa, tetapi pada hakikatnya ketiga-tiga kumpulan spesies ini sangat berbeza. Walaupun spesies ini tergolong dalam order Squamata, kelas dalam famili adalah berbeza.

Cicak ialah spesies reptilia yang bukan sahaja ditemukan di kawasan hutan tetapi sering kali ditemukan di dalam rumah, pejabat, bangunan lama dan merupakan spesies reptilia yang hampir dengan manusia. Secara umumnya, cicak ini dikelaskan kepada tujuh famili dan di Malaysia sahaja dua famili direkodkan, iaitu Gekkonidae dan Eublepharidae. Yang menariknya, saiz spesies cicak yang paling kecil di dunia yang pernah ditemukan ialah 1.6 sentimeter

(*Sphaerodactylus ariasae*) sahaja dan antara saiz cicak yang terbesar ditemukan, termasuklah saiz cicak yang mencapai hingga 43 sentimeter (*Rhacodactylus leachianus*).

Secara semula jadinya, spesies cicak ini boleh ditemukan pada setiap benua seperti hutan tropika, padang pasir dan gunung (kecuali di benua Antartika).

Kebanyakan spesies cicak ialah spesies nokturnal, iaitu spesies yang aktif pada waktu malam dan biasanya kurang aktif atau berehat pada waktu siang. Pemakanan cicak pula merangkumi pelbagai jenis serangga. Cara pembiakan cicak adalah dengan bertelur. Secara umumnya, seekor cicak boleh bertelur dua biji dalam satu masa.

Spesies cicak adalah berbeza daripada spesies mengkarung dan

Badan cicak diselaputi dengan bintik kecil seperti susunan rambut halus yang bertindak sebagai lapisan lilin untuk membantunya melantun titisan air ketika waktu hujan, selain daripada membersihkan dirinya.



Cicak boleh ditemukan di hutan (*Cyrtodactylus quadrivirgatus*).

sesumpah dari segi bentuk badan, struktur kulit dan mata. Struktur badan cicak adalah lebih besar berbanding dengan sesumpah atau mengkarung. Cicak mempunyai kepala yang lebih lebar; leher benar dan runcing; serta mempunyai badan yang leper berbanding dengan sesumpah dan mengkarung. Selain itu, cicak dapat dibezakan melalui matanya. Mata cicak tidak dapat berkedip seperti sesumpah

atau mengkarung. Cicak mempunyai kelopak mata yang bersambung (*fused*), dan spesies ini menggunakan lidahnya untuk menjilat mata supaya memastikan mata sentiasa lembap dan bebas daripada kotoran. Oleh sebab spesies cicak aktif pada waktu malam, struktur anak mata cicak adalah sempit dan menegak bagi mengurangkan keamatan cahaya.

Reptilia mempunyai kulit bersisik, begitu juga dengan cicak. Sisik cicak adalah licin. Badannya pula diselaputi dengan bintik kecil (*tubercles*) seperti susunan rambut halus yang bertindak sebagai lapisan lilin (*wax*) untuk membantunya melantun titisan air ketika waktu hujan, selain daripada membersihkan dirinya. Satu daripada

kelebihan spesies cicak ialah spesies ini mampu melepaskan diri daripada pemangsa dengan memutuskan ekornya. Ada satu garisan putus (*score line*) pada pangkal ekor cicak yang membolehkannya menanggalkan ekor bagi melepaskan dirinya daripada pemangsa. Yang uniknya, bahagian ekor yang terputus itu boleh tumbuh semula. Selain itu, cicak mempunyai

kebolehan untuk membuat bunyian atau panggilan sosial yang tidak dapat dilakukan oleh sesumpah atau mengkarung.

Sesumpah atau agamid ialah spesies reptilia yang dikelaskan dalam famili Agamidae. Seperti spesies reptilia yang lain, sesumpah juga mempunyai ciri tersendiri yang membezakannya daripada cicak atau mengkarung. Selain kawasan berhutan, sesumpah boleh



Sesumpah hijau (*Bronchocela cristatella*).

ditemukan berdekatan dengan kawasan perumahan, seperti taman, kebun dan ladang penanaman. Tidak seperti cicak, sesumpah merupakan spesies diurnal, iaitu spesies yang aktif pada waktu siang. Secara lazimnya, sesumpah ini suka berada di atas pokok (aboreal) dan jarang-jarang ditemukan berada di lantai hutan. Pemakanan sesumpah pula merangkumi pelbagai jenis serangga dan bagi spesies sesumpah bersaiz besar dietnya boleh merangkumi spesies reptilia bersaiz kecil, anak burung dan tumbuhan. Sesumpah juga membiak dengan cara bertelur.

Ciri unik sesumpah adalah berbeza daripada cicak dan mengkarung dari segi saiz badan dan kulit. Tidak seperti spesies cicak, sesumpah mempunyai kulit bersisik kering; lapisan atau ujuran sisik berbentuk tajam di bahagian tengkuk dan badan. Seperti mengkarung, spesies ini juga mempunyai kelopak mata bagi memastikan matanya sentiasa lembap dan bebas kotoran. Sesumpah seperti spesies cicak juga mempunyai empat kaki, tetapi saiznya lebih panjang dengan ekor yang lebih panjang secara perbandingan.

Satu daripada keistimewaan sesumpah ialah spesies ini berupaya untuk mengubah warna badannya bagi

mengawal suhu badan. Perubahan warna badan lazimnya mengikut perubahan musim. Bagi sesetengah spesies sesumpah, spesies jantan warnanya lebih cerah berbanding dengan betina dan warna badan memainkan peranan penting sebagai isyarat dan tingkah laku reproduktif. Sesumpah tidak mempunyai keupayaan untuk menanggalkan ekornya dan tumbuh semula seperti cicak.

Sementara itu, mengkarung atau lebih dikenal sebagai bengkarung atau cengkarung ialah spesies reptilia yang lazimnya berwarna hijau, perang atau kelabu yang dikelaskan dalam order Squamata. Terdapat lebih daripada 1200 jenis spesies mengkarung di dunia dan semua mengkarung yang ditemukan di Malaysia dikelaskan dalam famili Scinidae. Seperti sesumpah, mengkarung juga merupakan spesies diurnal yang aktif pada waktu siang dan biasanya ditemukan di lantai kawasan berhutan ketika waktu tengah hari.

Spesies mengkarung ini lazimnya ditemukan berjemur di kawasan terbuka sama seperti reptilia lain, mengkarung juga tidak mengawal suhu badannya. Habitat mengkarung ialah di kawasan berhutan, semak samun dan taman



Spesies mengkarung (*Eutropis multifasciata*) biasanya ditemukan di lantai kawasan berhutan pada waktu tengah hari.



Kaki mengkarung lebih kecil berbanding dengan sesumpah dan ada juga mengkarung yang tidak mempunyai kaki, seperti spesies *Typhlosaurus*.

berhampiran kawasan perumahan. Diet mengkarung sama seperti cicak dan sesumpah, yang makan serangga, termasuklah labah-labah, cengkerik dan belalang. Pembiakan mengkarung ialah secara oviparus.

Antara perbezaan ciri mengkarung, termasuklah rupa badannya yang tidak memiliki bahagian leher yang jelas memandangkan kepala dan lehernya mempunyai saiz yang hampir sama. Kaki mengkarung lebih kecil berbanding dengan sesumpah dan ada juga mengkarung yang tidak mempunyai kaki, seperti spesies *Typhlosaurus*. Seperti sesumpah, kulit mengkarung juga diselaputi dengan sisik yang kering dan mempunyai kelopak mata.

Secara perbandingan, ekor mengkarung lebih panjang berbanding dengan cicak dan ada spesies mengkarung yang mempunyai ekor yang lebih panjang daripada badannya. Spesies mengkarung bersifat diurnal yang mempunyai anak mata yang besar dan bulat. Di samping itu,

mengkarung mempunyai kebolehan untuk bergerak lebih pantas berbanding dengan cicak, tetapi tidak mempunyai kebolehan untuk memanjat pada permukaan vertikal.

Walaupun ketiga-tiga reptilia cicak, sesumpah, dan mengkarung adalah berbeza, spesies ini amat penting untuk ekosistem negara. Reptilia ialah komponen penting dalam rantaian makanan bagi sesuatu ekosistem. Reptilia memainkan peranan yang kritikal sebagai pemangsa dan mangsa serta untuk penyebaran biji benih. Spesies reptilia juga mempunyai peranan antropogenik yang berguna dalam ekosistem. Di sesetengah kawasan, spesies ini dapat membantu mengawal jumlah perosak pertanian yang serius dengan memakan serangga. Oleh itu, hal ini menjadi tanggungjawab bersama untuk menjaga spesies reptilia yang terdapat di Malaysia dengan memastikan habitat dan ekosistem spesies ini terjamin dan berterusan untuk generasi akan datang.^[2]